

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HSC 323 Sejarah Asia Timur

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, termasuk sekurang-kurangnya satu soalan daripada Soalan No. 7 dan Soalan No. 8.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Penulisan sejarah melibatkan rakaman objektif peristiwa-peristiwa silam di dalam sesuatu masyarakat." Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada penulisan sejarah China tradisional.
2. "Sekiranya Konfusius tidak wujud, tidak akan adanya kebudayaan China." Bincangkan kesahihan pernyataan ini dengan menilai pengaruh Konfusius, Konfusianisme dan Neo-Konfusianisme sejak berabad-abad lamanya.
3. "Pelayaran-pelayaran maritim Ming di bawah pimpinan sida-sida ke Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika pada awal kurun ke-15 adalah kesinambungan dasar perluasan wangsa-wangsa terdahulu." Bincangkan.
4. Perkembangan tanggapan orang China terhadap (orang-orang bukan China) telah banyak memberi kesan terhadap tindakan dan pandangan kerajaan China tradisional terhadap dunia luar. Jelaskan mengapa begitu dan berikan contoh-contoh untuk menyokong pandangan anda.
5. "Sejarah China tradisional ialah sejarah (wangsa yang berulang-ulang)." Apakah gambaran tentang sejarah seperti ini sahih sebelum penubuhan Republik China pada 1912?

.../2

6. "Masyarakat China tradisional adalah masyarakat yang mengembangkan dan menggunakan teknologi, tetapi tidak mengembangkan suatu kaedah sains." Bincangkan.
7. "Dari kurun ke-7 sehingga kurun ke-9 Jepun ialah koloni kebudayaan China." Bincangkan kesahihan pernyataan ini dan berikan contoh-contoh untuk menyokong pendapat anda.
8. Apakah Pemulihian Meiji pada 1868 disebabkan oleh perkembangan-perkembangan dalaman Jepun atau dihasilkan oleh tekanan luaran?

-00000000-